

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK MADIUS TANGAU [TUARAN]

TARIKH : 30 MAC 2015 (ISNIN)

SOALAN : Datuk Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk melaksanakan subsidi penanaman padi bukit kepada para petani padi bukit di Sabah dan Sarawak seperti yang diluluskan dalam Bajet 2015.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah melancarkan program Skim Subsidi Baja dan Racun Padi Bukit/Huma bagi Sabah dan Sarawak pada 6 Mac 2015 di Serian, Sarawak. Skim Subsidi Baja dan Racun Padi Bukit/Huma bagi Sabah dan Sarawak yang telah diumumkan meliputi pemberian baja dan racun kepada pesawah di Sabah dan Sarawak dengan peruntukan tahunan keseluruhan berjumlah RM 70 juta. Mekanisme pembekalan dan penghantaran baja dan racun bagi padi bukit/huma di Sabah dan Sarawak akan menggunakan mekanisme sedia ada seperti program Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) dan Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP). Pembekalan baja dan racun disampaikan kepada pesawah bermula musim penanaman padi pada April hingga Jun 2015.